

TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
TARIKH: 27 OKTOBER 2015 (SELASA) BIL: 2 2015/2016

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.4	Pengerusi memaklumkan Kursus AS101 yang akan ada diadakan pada 11 November 2015 dan ia merupakan kursus terakhir bagi tahun 2015. Fakulti diminta untuk memastikan kehadiran peserta yang berada dalam senarai dan jika masih tidak hadir, staf akademik tersebut tidak boleh menyelia pelajar sebagai penyelia utama.	SPS, UTMLead dan Fakulti	
1.5	Pengurusan Peperiksaan Lisan PhD di fakulti kedua adalah di Fakulti Komputeran (FC). SPS akan melawat FC pada 8 November 2015 bagi perbincangan lanjut untuk menyerahkan pengurusan Peperiksaan Lisan di FC.	SPS dan FC	
1.6	Mesyuarat dimaklumkan bahawa SPS telah mengemaskini manual prosedur kerja program <i>Fast Track</i> Doktor Falsafah di UTM. Maklumat sedia ada dikumpulkan dan dijadikan satu manual prosedur yang teratur. Mesyuarat diminta untuk ambil maklum dan memberikan pandangan berkenaan gred keputusan yang paling rendah bagi pelajar <i>Fast Track</i> Doktor Falsafah adalah D iaitu kepada Ijazah lebih rendah sebelum ia dibentangkan di Mesyurat Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan & Pengijazahan.	BPB SPS	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	1.6.1 Terdapat ahli meyarat yang setuju dimana pelajar <i>Fast Track</i> hanya boleh diberikan keputusan paling rendah D iaitu dianugerahkan ijazah lebih rendah dan ia bergantung kepada status tesis pelajar. 1.6.2 Wakil FKM mahu proses penilaian adalah sama tanpa membezakan pelajar PhD biasa dan <i>Fast Track</i>. Walau bagaimanapun, mengikut keperluan MQA, Universiti tidak boleh menjalankan program <i>Fast Track</i> jika pemeriksaan tesis tidak menjaminkan pelajar ini mendapat sekurang-kurangnya keputusan D pada pemeriksaan lisan. 1.6.3 Penawaran semula <i>Fast Track</i> hanya akan dibuka jika UTM mendapat pengecualian khas daripada KPT dan ia selari dengan hasrat Senat UTM tetapi perlu mempunyai proses yang teratur.		
1.7	Mulai Semester I, Sesi 2015/2016 seperti yang telah dimaklumkan oleh Timbalan Pendaftar SPS kepada fakulti, pelajar perlu membayar semula yuran pemeriksaan tesis jika tesis perlu disemak semula/ pemeriksaan semula. Fakulti perlu mengedarkan pemakluman mengenai bayaran bagi tujuan pemeriksaan semula tesis ketika pelajar menghantar tesis untuk tujuan peperiksaan lisan. Hebahan juga perlu dimaklumkan kepada penyelia.	<i>SPS dan semua fakulti</i>	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.8	Perlaksanaan Kursus Umum dan Kaedah Penyelidikan. UTM perlu mempunyai strategi untuk meneruskan bilangan pengambilan pelajar penyelidikan sepenuhnya. SPS mencadangkan Kursus Umum dan Kaedah Penyelidikan dijalankan secara modul. Ia lebih memfokuskan kepada pelajar penyelidikan secara separuh masa. Tiga model yang dicadangkan: 1.8.1 Kelas dijalankan secara hujung minggu. Model ini lebih kepada pelajar yang bekerja dan hanya boleh hadir kelas secara hujung minggu. 1.8.2 Kelas dijalankan dalam tempoh tertentu. Sebagai contoh dua minggu pengkuliah dalam satu semester. 1.8.3 Kelas dijalankan secara berfasa. Iaitu pertemuan seperti kelas pesisir yang berjadual pada satu semester. Fakulti diminta untuk membincangkan dan mencadangkan di mesyuarat akan datang khususnya bagi fakulti yang menawarkan kursus umum dengan bilangan seksyen yang banyak seperti Fakulti Tamadun Islam dan Fakulti Pengurusan. Setiap cadangan perlulah memenuhi Student Learning Time (SLT).	<i>FTI dan FM</i>	

1.10	Sasaran graduan Doktor Falsafah bagi tahun 2015 iaitu sebanyak 501 graduan. Fakulti yang masih belum mencapai sasaran dimohon untuk membentangkan di Mesyurat JKA fakulti dan melihat pencapaian GOT untuk meningkatkan pencapaian fakulti masing-masing. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada fakulti yang telah mencapai sasaran.	<i>Semua fakulti</i>	
1.13	Pengerusi membentangkan sasaran baharu bagi pelajar Doktor Falsafah bagi tahun 2016. Jumlah disasarkan daripada jumlah pelajar yang berada dalam <i>path line</i> untuk bergraduan iaitu samada dalam tempoh pembetulan tesis dan pelajar yang telah notis dan bersedia untuk menghantar tesis. 1.13.1 Sasaran adalah perlu melebihi jumlah graduan bagi tahun 2015 dan jumlah yang disasarkan adalah sebanyak 630 - 650 graduan bagi tahun 2016 berdasarkan pencapaian tahun 2015. 1.13.2 Fakulti juga diminta untuk membentangkan sasaran baharu bagi pelajar Sarjana untuk tahun 2016.	<i>Semua Fakulti</i>	

2.1	Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti Bil. 1/2015/2016 dengan pembetulan seperti berikut: - Dr. Hairul Nizam bin Ismail - Fakulti Alam Bina ditukar kepada Prof. Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail kerana telah dinaikan jawatan kepada Prof. Madya. - Dr. Nazri bin Ali ditukar kepada Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali - Fakulti Kejuruteraan Awam kerana telah dinaikan jawatan kepada Prof. Madya. - Prof. Madya Dr. Norhazilan bin Md Noor daripada Fakulti Kejuruteraan Awam, Dr. Azlina binti Kosnin dan Dr. Abdul Halim bin Abdullah daripada Fakulti Pendidikan dikeluarkan daripada senarai ahli mesyuarat kerana bukan lagi merupakan ahli Japsu. - Minit 1.7 diperbetulkan kepada Kertas Kerja Bayaran Pemeriksaan Semula Tesis.	<i>Urusetia</i>	Tindakan telah diambil dan dibetulkan di minit terdahulu.
3.1	Fakulti telah menamakan seorang staf yang akan menerima tesis daripada SPS. Senarai nama telah diperolehi bagaimanapun fakulti diminta memaklumkan kepada staf yang berkenaan kerana masih ada staf yang tidak tahu mereka perlu menerima tesis tersebut.	<i>Semua fakulti</i>	

3.2	Mesyuarat dimaklumkan slip pendaftaran kursus bagi pelajar pasca siswazah dan ia masih dalam tindakan AMD berdasarkan satu mesyuarat AMD bersama pihak CICT 1 Oktober 2015.	AMD	
3.4	Mesyuarat dimaklumkan satu mesyuarat semakan CRR & PAR telah diadakan pada 30 September 2015. Fakulti telah diminta untuk menyediakan dokumen CRR & PAR fakulti untuk mesyuarat tersebut. Dokumen CRR & PAR adalah untuk mixed mode dan taught course sahaja. Template dari QRIM akan diedarkan melalui emel oleh SPS.	Timbalan Pendaftar SPS	
3.5	Mesyuarat dibentang perangkaan graduan GOT 2015. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada fakulti yang telah mencapai KAI graduan. Pengerusi mohon semua fakulti bersama-sama melihat dan berusaha meningkatkan GOT PhD. 3.5.1 Fakulti diminta untuk membentangkan langkah dan pendekatan yang diambil oleh fakulti dalam usaha untuk meningkatkan GOT PhD dan GOT MYRAII.	Semua Fakulti	
7.1	Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Kejuruteraan. Walau bagaimanapun Fakulti MJIT perlu mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada SPS kerana telah menerima tesis pelajar Nor Aziah	MJIT	

	Binti Mohd Azubir tanpa diperakukan notis di Mesyuarat Japsu pada semester 2014/2015-2 iaitu semester terakhir pelajar dan fakulti juga perlu memberikan teguran kepada Penyelia supaya masalah sama tidak berulang.		
12.2.1	Hafizah binti Harun (PW093041) Mesyuarat tidak memperakukan permohonan pelajar. Ia perlu dibincangkan semula untuk dibincangkan di peringkat Mesyuarat JKA fakulti dengan mengambilkira beban tugas pelajar sebagai staf akademik di Fakulti Pendidikan. Surat sokongan daripada fakulti perlu disertakan pada permohonan semula.	<i>FBME</i>	